



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

AMANAT PENGURUSAN RISDA 2017

Membandarkan Luar Bandar
Mensejahtera Kehidupan Pekebun Kecil
Menghemah Perbelanjaan Inklusif



MODEL PERANCANGAN STRATEGIK RISDA (MPSR) 2016 - 2020

VISI

“Menjadi Agenzia Peneraju Kemajuan Pekebun Kecil”

MISI

“Membentuk Masyarakat Pekebun Kecil Yang Progresif Dan Sejahtera Melalui Aktiviti Perladangan Dan Keusahawanan”

OBJEKTIF

Pekebun Kecil Memperoleh Purata Pendapatan RM4,000 Sebulan Sekeluarga Pada Tahun 2020

TERAS 1

Memenangi Keremajaan

Getah
4 ½ Thn

Sawit
2 ½ Thn

TERAS 2

Memenangi Produktiviti

Purata
1,800
Kg/Ha/Thn

20 MT/Ha/Thn

TERAS 3

Memenangi Pemasaran

Purata
81.5% SMR
(F.O.B)

19.5 % MSM
RM1500 / Bln

TERAS 4

Memenangi Keusahawanan

Purata
RM2,500 /
Bln /
Keluarga

ARAS 1 : SISTEM PENYAMPAIAN

ARAS 2 : TADBIR URUS KORPORAT

ARAS 3 : MODAL INSAN

Rujukan Arahan Ketua Pengarah Bil. 18 Tahun 2016

AGIHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DAN MENGURUS RISDA TAHUN 2017

BIL	PERUNTUKAN	BLK	KWR	JUMLAH
		RM Juta		
1.	Pembangunan	358.8	68.0	426.8
2.	Mengurus	200.0	97.8	297.8
	JUMLAH	558.8	165.8	724.6

AGIHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2017

TANAM SEMULA
GETAH KE GETAH

38.77%
RM139,116,200

PRASARANA ASAS
PERTANIAN AWAL

2.22%
RM8,000,000

KHIDMAT PENGEMBANGAN
& LATIHAN PK AWAL

1.14%
RM4,100,000

AKTIVITI EKONOMI
TAMBAHAN &
KEUSAHAANAN

7.52%
RM27,000,000

PRASARANA ASAS
PERTANIAN MATANG

5.01%
RM18,000,000

KHIDMAT PENGEMBANGAN
& LATIHAN PK MATANG

1.67%
RM6,000,000

SKIM INSENTIF
PRODUKTIVITI GETAH

4.49%
RM16,145,000

PEMBANGUNAN
INFRASTRUKTUR
PEMASARAN

0.48%
RM1,705,000

TANAM SEMULA GETAH & SAWIT
SAMBUGAN

5.88%
RM21,100,000

TANAM SEMULA GETAH
SAMBUGAN

28.52%
RM102,340,000

TANAM SEMULA GETAH
KE TANAMAN LAIN

2.59%
RM9,300,000

PERUMAHAN GENERASI KEDUA
PEKEBUN KECIL (RUMAH BN)

1.67%
RM6,000,000

FOKUS AMANAT PENGURUSAN RISDA 2017

FOKUS PERTAMA :
PEMERKASAAN PROGRAM
TANAM SEMULA

1

FOKUS KEDUA :
PENINGKATAN PENDAPATAN
PEKEBUN KECIL

2

FOKUS KETIGA :
AKTIVITI HILIRAN SMR
(DOWNSTREAM)

3

FOKUS KEEMPAT :
TADBIR URUS SISTEM
PENYAMPAIAN RISDA

4

① FOKUS PERTAMA: PEMERKASAAN PROGRAM TANAM SEMULA

Tumpuan dalam memperkasaan pelaksanaan Program Tanam Semula RISDA

Tanam Semula Getah ke Getah

- ▶ Melaksanakan program tanam semula getah ke getah seluas 39,927 hektar dengan peruntukan RM139 juta.

Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain

- ▶ Peruntukan berjumlah RM9.3 juta dengan matlamat 2,466 hektar pada kadar RM7,500 sehektar.

Prasarana Asas Pertanian

- ▶ Peruntukan berjumlah RM26 juta akan diagihkan untuk membina 518 km jalan pertanian, 636 km parit dibina, 19 buah pembetung dan 102 buah jambatan.
- ▶ 4,214 orang pekebun kecil menerima manfaat daripada pembinaan prasarana asas pertanian.

Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG)

- ▶ RM2 juta diperuntukan bagi melaksanakan pemberian bantuan Baja R4, set torehan dan racun rumpai dengan sasaran keluasan seluas 4,000 hektar.

Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG)

- ▶ RM14.3 juta diperuntukan bagi melaksanakan SIPG dengan sasaran keluasan seluas 45,268 hektar

Pembangunan Infrastruktur Pemasaran

- ▶ Pembinaan 2 buah Pusat Timbang dan Stor (PTS) serta 28 Depo Belian yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1.5 juta

② FOKUS KEDUA: PENINGKATAN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL

Mempelbagaikan pendapatan pekebun kecil luar bandar supaya tidak bergantung kepada satu sumber pendapatan semata-mata serta menggalakkan penyertaan dalam program keusahawanan.

Aktiviti Ekonomi Tambahan

- ▶ Peruntukan berjumlah RM18 juta untuk bergiat dalam aktiviti menjana pendapatan tambahan melibatkan seramai 900 orang peserta.

Program Pembangunan Keusahawanan

- ▶ Peruntukan berjumlah RM 9 juta akan disalurkan kepada 1,100 orang peserta.

RISDA Smallholder's Mart Mart (RisSMart)

- ▶ Pada tahun 2017 sebanyak 7 buah RisSMart akan dibina iaitu di negeri Johor, Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Terengganu untuk menangani masalah pemasaran produk yang dihadapi oleh usahawan pekebun kecil

Program Jaringan Strategik Keusahawanan

- ▶ Program Jaringan Strategik Keusahawanan akan dilaksanakan dengan sekurang-kurangnya melibatkan Syarikat Milikan RISDA dan juga SIRIM.

100 Produk Utama Usahawan

- ▶ Mempromosikan produk-produk terbaik usahawan yang terpilih melalui Penjenamaan Logo 100 Produk Utama.

Khidmat Pengembangan dan Latihan GAP

- ▶ Pelaksanaan Latihan GAP kepada 101,600 orang pekebun kecil peringkat awal dan juga matang. Peruntukan sebanyak RM1.63 juta dengan matlamat keluasan seluas 180,425 hektar.

Pembangunan Institusi Pekebun Kecil

- ▶ Pelaksanaan aktiviti Pembangunan Institusi Pekebun Kecil dengan peruntukan berjumlah RM2.96 juta yang melibatkan 820 Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) dan 63 Koperasi Pekebun Kecil (KPK).

Tuisyen Rakyat@KKLW

- ▶ Peruntukan berjumlah RM2.465 juta meliputi 197 buah sekolah menengah dengan penglibatan seramai 2,955 orang murid.

Kelab Generasi Muda RISDA (KGMR)

- ▶ 67 buah Kelab Generasi Muda RISDA (KGMR) dengan peruntukan RM116 ribu untuk melaksanakan aktiviti kebajikan, kemasyarakatan, kebudayaan dan ekonomi dalam bidang pertanian

Technical, Vocasional Education and Training (TVET)

- ▶ 500 orang pelajar akan dilatih dalam bidang TVET ini selaras dengan usaha memperkasa sektor kemahiran dan melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan profesional di kalangan anak pekebun kecil luar bandar.

Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK)

- ▶ RM2.5 juta peruntukan akan digunakan untuk latih 3,930 orang melibatkan latihan teknikal, bukan teknikal dan juga keusahawanan di semua IKPK RISDA.

Rumah Bina Negara (Rumah BN)

- ▶ Menyediakan perumahan Generasi Kedua iaitu Rumah BN sebanyak 300 unit pada tahun 2017 serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan Bumiputera.

3

FOKUS KETIGA: AKTIVITI HILIRAN SYARIKAT MILIKAN RISDA

Mempergiatkan aktiviti Syarikat Milikan RISDA supaya lebih berdaya saing dan berdaya maju.

Rasionalisasi SMR KKLW

- ▶ RISDA HOLDINGS perlu merealisasikan hasrat YB Menteri KKLW untuk Anak Syarikat RISDA terlibat dalam projek-projek hiliran berdasarkan getah.
 - ✓ Bantal
 - ✓ Tilam
 - ✓ Road-bump

Projek Kitar Semula

- ▶ Melaksanakan projek kitar semula bahan sampingan/buangan kilang sawit untuk menghasilkan :
 - ✓ POME (Palm Oil Mill Effluent)
 - ✓ Buah Tandan Kosong (BTK)
 - ✓ Buah Tandan Kosong/ "Black Gold"
 - ✓ Bahan Bio Organik ESPEK Tricho (BBOE TRICHO)

Pengurusan Perkhidmatan Krew Oil & Gas

- ▶ Perkhidmatan krew-krew yang terlibat seperti urusan dokumentasi, penginapan, pasport dan urusan pengangkutan.

Menara Telekomunikasi

- ▶ Mengembangkan perniagaan projek pembinaan Menara Telekomunikasi.

Segmentasi Hiliran

- ▶ Peningkatan Daya Saing Bagi Menguasai Segmen Hiliran Pasaran Dalam Industri dengan pengeluaran produk hiliran berdasarkan daging tempatan.
- ▶ Pengeluaran Produk Sejuk Beku jenama "Chekoley" pada tahun 2017 sebagai permulaan pengenalan produk SMR.

④

FOKUS KEEMPAT: TADBIR URUS SISTEM PENYAMPAIAN RISDA

RISDA akan memperbanyakkan pendampingan dan touch point bagi memudahkanca dan mendekati pekebun kecil serta menawarkan perhidmatan yang lebih berkesan

Penggunaan Kad Pengenalan Pekebun Kecil (SIC)

- ▶ Pemilikan SIC dijadikan sebagai syarat untuk diberi keutamaan menerima bantuan Program Pembangunan RISDA.

Kajian Impak

- ▶ Pelaksanaan kajian impak terhadap projek/program pembangunan untuk melihat kejayaan dan manfaat yang diterima oleh rakyat.

Menghemah Perbelanjaan Mengurus

- ▶ Selaras dengan AP 03/2016 Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat.
- ▶ Mengawal dan melaksanakan perbelanjaan berhemat.

Strategic Lingkages

- ▶ Merangka hebahan melalui media elektronik, media cetak dan media sosial untuk hebahan projek pembangunan RISDA.

RISDA Road Tour

- ▶ Mengetengahkan konsep mobile exhibit untuk menghebahkan maklumat berkaitan Program Pembangunan RISDA dari kampung ke kampung.

RISDA Call Centre

- ▶ Mewujudkan Call Centre bagi menambahbaik sistem khidmat pelanggan yang sedia ada.

Bersamamu Pekebun Kecil

- ▶ Menganjurkan aktiviti kemasyarakatan dan program touch point di kawasan - kawasan terpilih yang melibatkan pemimpin - pemimpin tempatan.

Execution Plan

- ▶ Memperkasakan Pelaporan "Execution Plan" bagi menjana maklumat program pembangunan RISDA mengikut Parlimen dan DUN.

Knowledge Management System

- ▶ Portal maklumat perkhidmatan dan operasi RISDA disebar secara atas talian.

Ikrar Integriti Korporat (CIP)

- ▶ Melaksanakan Ikrar Integriti Korporat atau Corporate Integrity Pledge (CIP) dengan Penghasilan 10 inisiatif cip secara berperingkat.

Kursus dan Latihan

- ▶ Seminar, Persidangan / Bengkel
- ▶ Kursus Awam
- ▶ Kursus Dalaman (Pembangunan Kompetensi)
- ▶ Bicara Tokoh
- ▶ Kursus Luar Negara Jangka Pendek



KEY RESULT AREA (RKRA) 2017

RKRA 1

Meningkatkan Kecapaian Tanam Semula Di Peringkat Pembangunan Tanah.

Getah : 78% keluasan kebun mencapai tumbesaran 10 sm setahun bermula umur 18 bulan hingga 54 bulan.

Sawit : 90% keluasan kebun tanam semula telah mengeluarkan hasil dalam masa 2 ½ tahun.

RKRA 2

Meningkatkan Produktiviti Kebun Pekebun Kecil.

Getah : Produktiviti kebun Pekebun Kecil Focus group mencapai tahap 1,700kg/hek/thn.

Sawit : Produktiviti kebun Pekebun Kecil Focus group mencapai tahap 19 MT/hek/thn.

RKRA 3

Meningkatkan Perolehan Harga Komoditi Di Peringkat Ladang (farmgate price).

Getah : Pekebun Kecil memperoleh harga farmgate pada tahap 81.5% dari harga SMR 20 (f.o.b).

Sawit : Pekebun Kecil memperoleh harga farmgate pada tahap 19.5% dari MSM hantaran tempatan.

RKRA 4

Meningkatkan Modal Insan Pekebun Kecil Melalui Program GAP.

Pelaksanaan Latihan GAP kepada 101,600 orang Pekebun Kecil.

RKRA 5

Meningkatkan Bilangan Usahawan Di Kalangan Pekebun Kecil.

Melahirkan Usahawan Pekebun Kecil.

Melahirkan 2,000 orang usahawan pekebun kecil.

RKRA 6

Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Getah.

Pendapatan Pekebun Kecil focus group mencapai tahap minimum RM2,700 sebulan .

RKPI 1 2017 : Pendapatan hasil kebun P/K focus group mencapai tahap minimum RM 1,000 sebulan; dan

RKPI 2 2017 : Pendapatan daripada aktiviti keusahawanan mencapai RM1,700 sebulan.

RUMUSAN

- Bajet 2017 merupakan bajet Rakyat / Pekebum Kecil (*People Centric*).
- Peruntukan pembangunan perlu dibelanjakan secara cekap bagi memastikan impak pembangunan segera dirasai oleh Rakyat / Pekebum Kecil.
- Inisiatif perlu dipertingkatkan untuk mempermudahkan perbelanjaan, terutama kepada projek *Quick Win*.
- SMR perlu memainkan peranan merealisasikan penerokaan industri hiliran.
- Berintegriti dalam melaksanakan tugas.

"We can't change the direction of the wind, but we can adjust our sails to always reach our destination"

AMANAT PENGURUSAN RISDA 2017



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH



SCAN DAN PILIH MODUL AMANAT PENGURUSAN
UNTUK MENDAPATKAN SLIDE
AMANAT PENGURUSAN RISDA 2017

